

UNIVERSITI SAINS
MARA


JENDELA

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

BIL. 1 & 2 Mac & Mei 1987



SELAMAT HARI RAYA aidilfitri



dari pada
Sidang Pengarang Jendela
Perpustakaan USM

SEKAPUR SIREH

sidang Pengarang JENDELA merasa bangga kerana dapat bertemu semula dengan saudara/i. Dalam keluaran bil. 1 & 2 1987 ini kami Sidang Pengarang Pengarang mengucapkan "SELAMAT HARI RAYA ADIL FITRI" kepada semua kakitangan yang berugama Islam. Kami memohon maaf kerana agak terlewat sedikit bagi keluaran bil. 1 untuk tahun 1987. Dengan demikian bil. 1 dicantumkan bersama dengan dengan bil. 2. Kami merasa masih lagi kurang mendapat sambutan daripada kakitangan oleh yang demikian kami berharap semua kakitangan dapat memberi apa-apa jua sumbangan untuk menjayakan lagi keluaran JENDELA akan datang dan seterusnya.

Akhir kata majulah JENDELA untuk Perpustakaan.

Sidang Pengarang

Md Noor Din (Ketua Pengarang)
Aznan Omar
Lillian Woon
Mary Vergis
Mohd Pisol Ghadzali
Norma Bahri
Sakinah Che Embi
Lim Chee Hong (Penasihat)

KANDUNGAN

Sekapur Sireh	m.s. 1
Rencana	m.s. 2
Keputusan Peraduan	
Menulis Sajak	m.s. 12
Sudut Resipi	m.s. 17
Hal Ehwal Kakitangan	m.s. 19
Aktiviti ASTAKA	m.s. 20
UCAPAN.....	
SELAMAT HARI RAY	m.s. 21



JENDELA mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam keluaran JENDELA kali ini terutama kepada:

Mohani Ismail (Jurutaip)
Kamarudin Bidin (Pencetak)
Ismail Abu (Pencetak)
Kiru (Kartun)
Boey (Grafik)

Sidang Pengarang JENDELA keluaran ini ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada dua orang ahli jawatankuasanya yang akan melanjutkan pelajaran tidak lama lagi. Segala jasa mereka amat kami sanjung tinggi. Kami juga mengalu-alukan dua orang baru yang sudi menjadi ahli jawatankuasa sidang pengarang menggantikan dua tempat kosong tersebut.

DIUCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA

RENCANA

Rencana ini ialah petikan dari satu-satunya karangan yang telah diterima untuk peraduan memulis eseи "Bagaimana hendak bekerja dengan cekap dan berkesan" yang memenangi hadiah saguhati.

BAGAIMANA HENDAK BEKERJA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN

PENGENALAN

Hasrat untuk menjadikan perkhidmatan Awam Malaysia sebagai perkhidmatan yang cekap dan cemerlang telah disuarakan melalui berbagai-bagai slogan seperti "Bersih, Cekap dan Amanah", "Berkhidmat Untuk Negara", "Apakah Sumbangan Anda kepada Ugama dan Negara", "Kepimpinan Melalui Tauladan", adalah merupakan teras perkhidmatan Awam Malaysia di masa kini. Konsep pandang ke Timur yang disarankan oleh pentadbiran 2M dahulu adalah merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menjadikan perkhidmatan Awam Malaysia sebagai satu perkhidmatan yang cekap dan berkesan di samping meninggikan maruah negara di kalangan negara-negara di dunia.

Sebelum kita membicarakan bagaimana hendak bekerja dengan cekap dan berkesan, terlebih dahulu sukalah saya memberikan beberapa huraian renkas apakah yang dimengertikan dengan kerja secara sepantas lalu.

A) Pemilihan Kerja

- i) Pelapor Bezaan - kebolehan, minat, sifat seseorang individu bermula pada peringkat umur yang awal.

- ii) Terdapat beberapa buah buku - menekankan yang bila kelas sosial, seks bangsa, tempat tinggal dan kewarganegaraan diambil kira, pengharapan harga dan pemilihan kerja lain yang berikut akan menjadi terhad.

Di dalam had ini model pemilihan kerja dan penyesuaian kerja dibina.

Peringkat 1 : pembinaan sikap awal individu terhadap kerja semasa di sekolah.

Peringkat 2 : memasuki bidang kerja.

Peringkat 3 : percubaan terhadap beberapa kerja untuk mencari penyesuaian diri.

Peringkat 4 : menerima kerja yang sesuai sebagai kerja seumur hidup.

B) Orientasi Terhadap Kerja

- i) Kerja bukan sahaja sebagai sumber kewangan kerja memberi kepuasan kepada kita melalui perasaan "Ada berbuat sesuatu", bersosial dan "Ada tujuan hidup".
- ii) Kerja memberi peluang kepada penggunaan tenaga yang berkesan terutama dari mereka yang mahu.

C) Kerja Sebagai Minat Hidup Utama

Penemuan yang diperolehi daripada penyelidikan mendapati hanya 24% dari pekerja-pekerja yang menganggap kerja sebagai 'Minat Hidup Utama'.

Komitmen terhadap kerja berkurangan apabila kerja itu sendiri tidak dapat menolong keertian emosi di bidang hidup lain.

D) Lapisan Kepuasan Kerja

- i) Peringkat pengurusan selalu puas hati.
- ii) Pengkhususan mengurangkan kepuasan kerja kecuali bila diberi ganjaran yang diharapkan.
- iii) Persekutaran di dalam organisasi.
- iv) Ganjaran (upahan yang lumayan).
- v) Motivasi.

E) Perancangan Kerja

- i) Perancangan dan proses pengurusan.
- ii) Empat langkah di dalam perancangan:
 - a) membina matlamat.
 - b) memahami keadaan sekarang.
 - c) mengenal pasti kelincinan dan kesukaran mengenai matlamat.
- iii) Kenapa kita gagal di dalam perancangan.
- iv) Pengurusan melalui objektif.

F) Pengurusan Kerja

- i) Penyusunan merupakan proses berbagai langkah:
 - a) memperlicinkan semua kerja yang mesti dilakukan untuk mencapai matlamat.
 - b) membahagikan jumlah beban kerja kepada aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan dengan secara logik dan berkesan.
 - c) mengumpul kerja pekerja secara logik dan berkesan.
 - d) mengadakan mekanisma untuk menyelaraskan kerja.

G) Pembahagian Kerja

Pemecahan kerja kepada tugas di mana individu dipertanggungjawabkan untuk pencapaian objektif dengan

Kebersihan moral bermakna sentiasa berfikiran bersih dan menjalankan tugas kita seperti yang telah kita janjikan, tanpa muslihat atau niat yang tidak baik. Kita tidak harus melewati-lewatkan kerja kerana ingin mendapat ganjaran. Kita tidak harus mengambil apa yang bukan hak kita. Kita tidak sepatutnya terlibat dengan sebarang jenayah dan rasuah. Kita tidak harus menyalahgunakan kuasa dan kita tidak harus sompong dan angkuh.

i) Pengkhususan kerja.

Setelah kita menghayati perkara-perkara di atas seterusnya marilah kita melihat tajuk perkara yang terkandung di dalam etika perkhidmatan dan apakah tujuannya?

ETIKA PERKHIDMATAN

Tujuan etika perkhidmatan ialah untuk semua kakitangan memeriksa diri sendiri berdasarkan nilai-nilai yang akan menjamin wujudnya satu perkhidmatan yang cekap dan berkesan serta manusia-manusia yang berperibadi tinggi yang menyertai perkhidmatan universiti. Teras dan etika perkhidmatan yang perlu diikuti oleh semua kakitangan ialah:-

- a) Berazam meninggikan mutu perkhidmatan.
- b) Bekerja dengan penuh tanggungjawab.
- c) Berusaha mengikis sikap mementingkan diri.
- d) Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan.
- e) Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara.
- f) Bekerjasama dalam membenturaskan kelemahan dan musuh-musuh negara.
- g) Berpegang teguh kepada ajaran agama.

Etika boleh dianggap sebagai garis panduan terhadap perilaku ahli-ahli masyarakat iaitu apa yang boleh dilakukan dan apa yang tidak.

Kita harus tertib dari segi pakaian dan kelakuan serta menentukan keadaan di sekeliling kita, sama ada di tempat kerja atau di rumah, juga bersih dan teratur. Pendek kata, semua yang dianggap bersih, kita amalkan dan semua yang dipandang jijik dan hina kita jauhkan diri.

Berkenaan dengan kecekapan pula kita tentu maklum akan pentingnya. Tidak ada kerja yang boleh dibuat dengan sempurna tanpa kecekapan. Sementara pelajaran di sekolah membekalkan kita dengan asas-asas pengetahuan, kecekapan cuma boleh diperolehi melalui latihan tertentu dan pengalaman. Oleh itu amatlah penting untuk kita berlatih sepanjang masa, menuntut segala ilmu yang berkaitan dan amalkan tiap sesuatu kerja berkali-kali sehingga kecekapan diperolehi, setiap orang dari kita mempunyai kebolehan yang istimewa, dan kebolehan ini boleh dicapai melalui amalan yang berturut-turut.

Kita tidak harus puas hati kerana kita boleh buat sesuatu, kita perlu meningkatkan lagi kebolehan kita sepanjang masa melalui penyelidikan, pelajaran dan amalan.

Janji yang ketiga yang perlu kita amalkan ialah amanah. Sebenarnya amanahlah yang amat penting bagi manusia yang bermasyarakat. Tanpa amanah, kucar-kacirlah yang akan berlaku.

Setiap pegawai kerajaan, sama ada berpangkat rendah, ataupun tinggi, diberi kuasa. Kuasa ini diberi kerana tanpa kuasa, urusan kawalan yang menjadi tanggungjawab kerajaan tidak dapat dijalankan. Malangnya, kuasa mudah disalahgunakan dan apabila ini berlaku, kuasa tersebut tidak lagi menjadi alat pengawal tetapi akan menghalang, serta merosakkan segala kegiatan masyarakat. Penyalahgunaan tetap membawa akibat yang buruk kepada masyarakat. Akhirnya semua rakyat akan rugi

akibat tidak adanya amanah.

Tentulah jelas bahawa tanpa pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah di semua peringkat, dan pegawai pentadbiran yang tertinggi hingga ke budak pejabat, jabatan kita atau sesebuah organisasi tidak akan maju jaya dan tidak dapat melahirkan kakitangannya yang dapat bekerja dengan cekap dan berkesan.

Dari penjelasan di atas, nyatakan betapa mustahaknya diwujudkan satu pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah. Tetapi kita akui bersih, cekap dan amanah sahaja tidak mencukupi. Kita perlu sifat-sifat yang lain bersama. Kita perlu ada disiplin, kepada ketertiban dan kesopanan, kepada kebaharuan, kepada budi bahasa yang baik, kepada kerajinan dan lain-lain lagi nilai yang mulia, yang boleh menjadikan kita lebih bahagia. Semua nilai-nilai ini dituntut oleh semua agama. Semua nilai-nilai ini mencerminkan tanggungjawab dan timbangrasa yang diperlukan dari manusia yang hidup dalam masyarakat.

Sebagai rumusan, di antara sifat-sifat lain yang harus dipupuk oleh kita adalah seperti berikut:-

- 1) Berdisiplin.
- 2) Bersopan-santun.
- 3) Keberanian.
- 4) Berbudi bahasa.

- 5) Rajin dan amanah.
- 6) Khidmat yang mesra.
- 7) Tidak mementingkan diri sendiri.
- 8) Mempunyai daya inisiatif iaitu tidak bergantung kepada ketua untuk melaksanakan satu-satu tugas.
- 9) Sentiasa berusaha meninggikan imej kerajaan dan negara.
- 10) Sentiasa meningkatkan prestasi organisasi.
- 11) Membuat pertimbangan yang teliti dan adil sebelum membuat keputusan dan tegas dalam melaksanakannya.
- 12) Sensitif terhadap perkembangan suasana persekitaran kerja dan berusaha menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling.
- 13) Positif dan bertanggungjawab.
- 14) Mempunyai fikiran terbuka dan sedia menerima teguran.
- 15) Mengambil berat tentang masalah tugas-tugas yang diberi.
- 16) Mempunyai peribadi yang baik dan akhlak yang mulia.

Falsafah di belakang kepimpinan ini adalah untuk menjamin supaya kita semua sebagai agen kerajaan atau badan-badan berkanun akan berusaha setiap masa untuk masyarakat, bangsa dan negara. Sifat mementingkan diri sendiri dan menilai pekerjaan berdasarkan apa yang diberi upah hendaklah dihapuskan. Dedikasi dan tanggungjawab hendaklah dilaksanakan dengan penuh ikhlas untuk kepentingan masyarakat negara dan bangsa. Sekiranya kita menghayati falsafah ini kita akan menjadi lebih kreatif, rajin dan berdikari serta dapat bekerja dengan cekap dan berkesan dalam menjalankan tugas kita dengan berpandukan kepada konsep "Kepimpinan melalui Teladan". Kita juga akan dapat menjimatkan

masa, wang serta tenaga dan dengan cara ini daya pengeluaran kita akan meningkat. Oleh hal yang demikian dengan secara tak langsung kita telah membuat bakti kepada negara dan organisasi kita dan ini adalah sejajar dengan ajaran yang terkandung di dalam semua agama, di mana tiap-tiap agama itu sentiasa mengajar pengikutnya supaya mengamalkan nilai dan sifat yang baik dan mulia. Oleh itu konsep kepimpinan melalui teladan ini adalah sesuai dan sejajar dihayati oleh kita.

Sebagai penutup, saya ingin memberi penjelasan berkenaan bagaimakah caranya sifat kepimpinan melalui teladan dapat diresapi oleh kita semua.

Segala apa yang diperkatakan di atas tadi semuanya adalah merupakan cara "Bagaimana hendak bekerja dengan cekap dan berkesan", dan tidak ada apa-apa kesannya sekiranya tidak dihayati oleh semua. Oleh itu diri kita sendiri hendaklah melalui satu proses revolusi mental di mana kita hendaklah membuang segala yang negatif dalam diri kita dan menghayati serta seterusnya mengamalkan sifat-sifat yang positif. Kita sebagai manusia biasa tidak mungkin tiada kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan dari segi sifat peribadi. Oleh itu kita hendaklah mendalami dan menyelami dalam diri kita sendiri. Untuk melihat di mana letaknya kelemahan-kelemahan ini, kita hendaklah menghadapinya. Dengan menghayati falsafah kepimpinan melalui teladan ini, kita akan sentiasa sedar bahawa tugas kita sebagai kakitangan awam mempunyai tanggungjawab yang berat, tetapi memandangkan bahawa ianya mesti dipikul maka tanggungjawab ini hendaklah dipikul dengan hati yang tabah.


berminat dan bukan kerana kita dipaksa oleh tanggungjawab. Jadi apa yang saya maksudkan di sini ialah sekiranya kita membaca dengan panjang lebar tentang eseи ini, ianya tidak akan berkesan tanpa kesedaran dan keinsafan dari diri kita sendiri. Mental dan daya pemikiran kita hendaklah diubah dan diatas kesedaran dan keinsafan ini.


BAHAN BAHAN RUJUKAN

1. Utusan Malaysia 1986
2. Dewan Masyarakat 1986
3. Pengalaman semasa mengikuti kursus perkeranian lanjutan.
4. Buku yang bertajuk (membangun masyarakat)

'ZEEY' 87

KEPERIBADIAN YANG DINAMIS






PEMIMPIN "BIARKAN SAJA"



PEMIMPIN YANG KERAS



PEMIMPIN YANG BERHASIL



Keputusan Peraduan Menulis Sajak

Sukacita dimaklumkan bahawa sambutan bagi peraduan tersebut di atas adalah sangat menggalakkan dengan penerimaan sebanyak 13 buah sajak. Puan Fatimah Busu, seorang penyajak tempatan yang terkenal dan tidak asing lagi bagi masyarakat kampus telah sudi menjadi pengadil.

Ulasan beliau secara keseluruhan ialah:

"Kebanyakan sajak masih menggunakan tema, nada dan stail penyajak tahun lima puluhan malah terdapat beberapa orang penyair yang masih menggunakan nada/stail/dan tema di dalam sajak-sajak sebelum perang. Nada mendayu dan romantis sangat ketara di dalam sajak-sajak tersebut".

Dengan ini nampaknya ada di antara penyair-penyair di Perpustakaan yang agak ketinggalan zaman, jadi biarlah pengalaman dalam peraduan ini menjadi inspirasi bagi semua untuk mengubah corak dalam mengasah bakat penulisan sajak.

Tempat pertama telah dimenangi oleh ZEEY dengan sajaknya "KU CARI NAMA MU". Mengikut Puan Fatimah Busu "Sajak ini menampakkan ciri-ciri kematangan dan kecendikiawan. Penulisnya berpotensi menjadi penyair yang baik sekiranya berusaha lebih giat". Tahniah kepada ZEEY dan diharap saudara akan terus mengasah potensi anda sebagai penyair yang berbakat.

Tempat kedua dimenangi oleh Saad Darus dengan sajaknya "PETANI". Pada pengadil kita walaupun pada dasarnya sajak ini sederhana tetapi cara penyairnya menonjolkan 'isu' agak unik.

MAINOR atau Mohd Nordin Ahmad merupakan pemenang yang ketiga dengan sajaknya "(HARI INI) AKU MASIH HIDUP". Komen pengadil ialah "Sajak ini agak pesimistik tetapi diksi dan stailnya agak memberangsangkan. Penulisnya agak berbakat".

Kepada pemenang dan juga semua yang mengambil bahagian kami mengucapkan syabas. Penglibatan anda semua telah menjayakan peraduan ini.

Ketiga-tiga sajak yang menang disiarkan dalam penerbitan ini untuk tatapan kita bersama. Diharap sajak-sajak ini akan memberi perangsang, kepada kita semua.

KU CARI NAMA MU

Ku cari nama mu

Di pantai --

Dalam ombak yang pecah

Dengan mata terbenam

-- Di pasir

Ku cari nama mu

Di celah-celah batu

Sekali-sekala

Ku lihat rambut mu terapung

di buih --

Dibawa ombak ke pasir

bersama tarian air

Sekali-sekala

Pecah berderai.....

Ku cari nama mu

Sekali sekala

Dibawa air

Yang tiada henti-henti

Mengalir

Dan aku telah ditemukan

Nama ku sendiri

Di celah-celah batu

Sebelum aku dewasa

Mengenal diri sendiri

Yang telah tiada!

Ku cari nama mu

Di sayap rindu

Antara benua

Yang telah merebahkan selah

Ku cari nama mu

Di dalam tawa ku.....

ZEEY '87

PETANI

Petaniku,
diatas kepingan hati
terpaku satu tekad
berbekal semangat kental
seluruh jiwaraga kau serahkan
walaupun diselimuti lumpur di sawah
walaupun diselubungi pacat di ladang usang.

Petaniku,
kulitmu terus dibakar mentari
di dalam meniti hari hari kebendang
juga hujan dan panas
mainan hidupmu
dengan tenaga tuamu.

Petaniku,
kau harus berjuang
menentang musuh musuhmu
tikus dan ulat
juga tiak, bila padi menguning
namun semuanya, kau hadapi bersama
nyanyian burung pagi.

Petaniku,
anak anakmu telah hanyut di kota
bersama neon neon di malam hari
walaupun mereka berada di kamar sempit
hati mereka akan puas disinari neon malam
lalu mereka lupa akan kehijauan sawah ladang.

Petaniku,
jiwamu telah tertumpah ke tanah
tanah yang selalu kehijauan
padimu akan menguning keemasan
buat penghibur hati tua mu,
dikala terkenanya anak anakmu di kota
juga cucu cucumu yang selalu riang.

SAAD DARUS

(HARI INI) AKU MASIH HIDUP

Akan ku teruskan
Perjalanan di pengkalan
Buat menghabisi, sisa-sisa hidup
Yang merantai, mencengkam

Kaki ku sudah hampir longlai
Mata ku sudah kabur
Daging ku sudah lusuh
Sayang.... aku masih hidup


Walau muak ku lihat dunia
Walau kubur telah ku qali
Nisan sudah ku tempah
Wasiat sudah ku tulis

Esok sentiasa datang lagi
Untuk menatap lembah-lembah ini
Yang telah lama telah ku hindari
Dengan keringat melaut

Senyal tangan ku kian menebal
Urat-urat menunjuk riak
Menadah, memohon kepada Tuhan
Sayang.... hari ini aku masih hidup

MALINOR

SUDUT RESIPI



Khas untuk keluarga anda di Hari Raya
sumbangan : Aznan Omar

KEK KUKUS KISMIS

Bahan-bahan

- 5 biji telur ayam
- 450 g memtega
- 450 g kismis
- 450 g gula halus
- 600 g tepung gandum
- 1 cawan gula pasir (dihanguskan)
- 1 sudu teh soda bikarbonat
- 1 sudu teh krim tartar
- 1 sudu teh esen oren
- $\frac{1}{2}$ sudu teh baking powder
- sedikit esen vanila

Kaedah

1. Kismis digaul dengan tepung gandum bersama soda bikarbonet, krim tartar dan baking powder.
2. Krimkan mentega dengan gula hingga kembang. Masukkan telur sebiji demi sebiji dan kacau lagi sehingga kembang.
3. Masukkan tepung gandum yang telah digaul dengan bahan-bahan tadi. Kemudian masukkan gula hangus, esen vanila dan esen oren.
4. Masukkan kedalam tin pembakar yang telah disapu dengan minyak dan kukuslah sehingga masak selama lebih kurang $2\frac{1}{2}$ jam.
5. Potong setelah ianya betul-betul sejuk.



Ayam Masak Tiga Janda

1 ekor ayam sederhana besarnya (dipotong empat)
1 biji kelapa (diparut) atau 10 oz. (315 g.) kelapa parut
1 camt. assam (dibancuh dengan sedikit air dan ditapis)
1 CamB. gula
½ camt. garam

Bahan Tumbuk

½ camt. jintan putih
½ camt. adas manis
2 CamB. ketumbar
5 biji buah pelaga
2 kuntum bunga cengklik
10 batang lada kering (direndam)
¼ in. (6 mm.) kayu manis
½ in. (1 cm.) halia merah
½ in. (1 cm.) kunyit
20 ulas bawang kecil
3 ulas bawang putih

1. Tambah air kepada kelapa dan perah 3 cawan santan.
2. Gaul bahan tumbuk baik-baik dengan santan.
3. Biarkan bancuhan itu mendidih. Kecilkan api dan biarkan mendidih perlahan-lahan hingga satu lapisan minyak yang nipis naik ke permukaan.
4. Masukkan ayam, air assam, gula dan garam.
5. Biarkan mendidih perlahan-lahan hingga ayam menjadi empuk.



Nasi Janda Berhias

1 lb. (500 g.) beras Siam
½ lb. (250 g.) daging kambing (dihiris nipis)
½ lb. (250 g.) udang (dibuang kepala dan kulitnya tetapi biarkan ekornya)
1 in. (2.5 cm.) halia }
12 ulas bawang kecil } dihiris
1 cawan kacang tanah (digoreng hingga kering dan dikulit)
3 CamB. minyak sapi
½ cawan minyak
1½ camt. garam
1 camt. gula
3 cawan air

Bahan Rempah

2 biji buah pelaga
1 kuntum bunga cengklik
½ in. (1 cm.) kayu manis

1. Pijarkan minyak sapi dan goreng daging kambing. Masukkan udang dan goreng bersama hingga masak. Keluarkan dan ketepikan.
2. Pijarkan minyak dan tumis bawang hingga kuning sedikit. Keluarkan separuhnya dan ketepikan.
3. Masukkan halia dan bahan rempah dan tumis hingga perang keemasan.
4. Tuangkan air dan biarkan mendidih.
5. Masukkan beras dan perasa dan masak, kacau terus-terus hingga beras menyerap semua air.
6. Masukkan daging kambing dan udang yang telah digoreng dan gaul rata-rata.
7. Tutup periuk, kecilkan api dan biarkan beras dimasak rata-rata.
8. Sebelum menghidang, tabur beras dengan kacang goreng dan bawang goreng yang ketinggalan.

HAL-EHWA L KAHITANGAN

Pertukaran Bahagian

Cik Mary Vergis mula memegang tugas baru pada 2.5.87 di Bahagian Bahan-Bahan Bersiri & Dokumen.

Pertukaran Jabatan

Encik Mohd Shukri Din akan mula bertugas di Pusat Pengajian Sains Fizik pada 1.6.87.

Perletakan Jawatan

Cik Nor Jannah Hj. Omar (Pegawai Tadbir), telah meletakkan jawatan. Puan Rosminah bt. Shuib (Pegawai Kerani), projek MALMARC telah meletakkan jawatan.

SELAMAT PENGANTIN BARU

1. Aznan Omar & Nor Shahibah Ramly pada 29.1.87.
 2. Abdullah Yusof & Norlia Haroon pada 1.3.87.
 3. Nor Adzam Baba & Noor Sham Darus pada 12.4.87.



"Semoga kekal ke anak cucu "

УКАЗАНИЯ ПО ТЕХНИКЕ



Tanah atas kelahiran cahaya mata pertama kepada

1. Yeoh Teik Guan - anak perempuan
 2. Mazlan Noor - anak perempuan.

Cik Lillian Woon telah memenangi biasiswa East-Coast Center bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang sains perpustakaan di University of Hawaii (Amerika Syarikat). Kursus bertempoh 18 bulan itu akan bermula pada 10 Ogos 1987.

Encik Mohd Pisol juga akan mengambil cuti belajar untuk mengambil kursus sains perpustakaan di ITM, Jalan Othman. Kursus tersebut bermula pada 2 Julai 1987 dan dijangka akan mengambil masa satu tahun.

Cik Tang Wan Fong kini sedang melawat England. Lawatan tersebut yang dibiayai oleh penerbit Blackwells ialah dari 18 - 29 Mei 1987. Sementara di England Cik Tang akan melawat pejabat penerbit tersebut dan beberapa perpustakaan universiti.

Cik Wong Sook Jean dan Puan Sofiah Hashim telah mewarit England selama seminggu untuk menyaksikan Pesta Buka Antarabangsa 'London International Book Fair' pada 14-16 April 1986. Lawatan mereka ini telah dibiayai oleh Darul Fikir iaitu pembekal buku terkemuka di Kuala Lumpur.

Perkelahan Tahunan ASTAKA 1987

Pada tahun ini seperti mana tahun-tahun yang lalu, ASTAKA telah mengadakan Perkelahan Tahunan, pada 26 April 1987, jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang bertempat di banglo Koperatif Teluk Bahang.

Makanan juga di sediakan di mana setiap ahli diberi subsidi sebanyak \$2.00 seorang. Pengangkutan bas juga telah disediakan untuk ahli dan keluarga bermula dari U.S.M. ke Teluk Bahang.

Dalam perkelahan tersebut beberapa permainan telah diadakan untuk ahli dan keluarga. Acara-acara yang diadakan ialah:-

- (i) Kerusi bermusik (untuk Ahli dan kanak-kanak)
- (ii) Meniup dan memecah belon (Untuk kanak-kanak)
- (iii) Mengisi air dalam botol (Ahli)
- (iv) Membawa bola ping pong (Ahli)
- (v) Meniup tepong (Ahli)
- (vi) Mencari benda tersembunyi (Semua)

Semua acara telah berjalan dengan lancar di mana seramai 86 orang ahli dan keluarga telah hadir. Sambutan yang diberikan sangat menggalakkan Perkelahan ini tamat pada pukul 4.30 petang.



DEARAN...

Aznan dan isteri serta keluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan yang menghadiri majlis perkahwinannya di Kuala Lumpur pada 29 Januari 1987 dan di Kota Kuala Muda, Kedah pada 31 Januari 1987.

Daripada: Aznan Omar & Nor Shahibah.

Nor Adzam & isteri serta keluarga mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan ikhlas dan kehadiran saudara/i ke majlis perkahwinannya pada 12 April 1987 yang lalu.

Daripada: Nor Adzam Baba & Noor Sham.



Abdullah & isteri serta keluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Perpustakaan yang hadir kemajlis kenduri perkhawin beliau tempoh hari pada 1.3.87..



Gelombang reda riak beralun
Semilir angin menyapu petang
Rembang senja rindupun memalun
Taatkah adik menunggu abang?
"budi rusindah"

Sumbangan RAS.

**SELAMAT HARI RAYA
AIDILFITRI**
**DARIPADA
LIM HUCK TEE & ISTERI**

**SELAMAT HARI RAYA
KEPADА SEMUA
KAKITANGAN MUSLIM
DARIPADA
LIM CHEE HONG**

SELAMAT HARI RAYA
ALDORI SINGAPORE

DARIPADA
TAWZIAH, NORIZAH &
RAPSAAH

SELAMAT HARI RAYA
KEPADА SEMUA
KAKITANGAN ISLAM

DARIPADA
YEOH HOONG KHENG

SELAMAT HARI
RAYA AIDILFITRI

WONG SOK JEAN


SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI


Untuk semua kakitangan
Perpustakaan U.S.M.

Daripada,

Teh Toh Seng

MAAF ZAHIR DAN BATIN





**SELAMAT
HARI RAYA
RIDUL FITRI**

**DARIPADA
GOON KUANG OK
ONG CHIN HOCK
OOI HOON EE
OURAH KUNG HAI
WOO KOK PHENG**

UCAPAN
HARI
RAYA

SELAMAT HARI RAYA AIDIL-FITRI
KHASNYA KEPADA SEMUA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA YANG BERUGAMA ISLAM

Daripada,
Balakrishnan/Bahagian Malaysiana

SELAMAT HARI RAYA
AIDIL-FITRI
Untuk semua kakitangan Islam
Perpustakaan USM.
Daripada
LEE YIN YUEN
MAAF ZAHIR BATIN

SELAMAT HARI RAYA AIDIL-FITRI 1987

kepada
Mr. & Mrs. Aznan bin Omar
daripada: David Boey

GREETINGS

Saya mengucapkan
SELAMAT HARI RAYA AIDIL-FITRI
"MAAF ZAHIR & BATIN"
Untuk semua kakitangan perpustakaan
yang berugama Islam

Daripada: Ramnah Ramli

Untuk semua muslimin & muslimat
Diucapkan SELAMAT BERPUASA DAN SELAMAT HARI RAYA
AIDIL-FITRI
MAAF ZAHIR & BATIN
Daripada, Nor Adzam & isteri

SELAMAT HARI RAYA AIDIL-FITRI
KEPADAA SEMUA UMAT ISLAM
MAAF ZAHIR BATIN.

Semua dijemput datang kerumah pada
hari raya ini

Daripada: Ahmad Nasruddin
& isteri

UCAPAN
HARI
RAYA

**UCAPAN
HARI
RAYA ...**

SELAMAT HARI RAYA AIDIL-FITRI
KEPADА SEMUA KAKITANGAN PERPUSTAKAAN U.S.M.
YANG BERUGAMA ISLAM

Daripada
KIRU

Untuk Semua Kakitangan Islam
Perpustakaan U.S.M.

diucapkan

SELAMAT HARI RAYA

Daripada: Yvonne Rasen

UCAPAN

Selamat Hari Raya Puasa

Untuk semua kakitangan perpustakaan USM
yang berugama Islam.

'Maaf Zahir Batin'

Daripada,

Catherine Loh dan Keluarga

Untuk Semua Muslimin dan Muslimat
DIUCAPKAN SELAMAT BERPUASA DAN
SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA
AIDIL-FITRI

Daripada:

Angela & Keluarga

HARI RAYA

"SELAMAT HARI RAYA
AIDILFITRI"

Kepada semua kakitangan Islam
Perpustakaan Universiti Sains
Malaysia

Daripada: Mustafa Ismail & Keluarga

